

31/05/2002

Keistimewaan buat seorang pemimpin amat istimewa

SUDAH banyak diperkatakan mengenai bakal pertemuan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Pope John Paul II di Vatican City yang dijadualkan pada 7 Jun ini. Di sebalik reaksi pelbagai pihak, termasuk parti pembangkang dan badan bukan kerajaan (NGO) yang rata-rata mengalu-alukan kunjungan dianggap bersejarah itu, tidak dapat tidak timbul juga suara-suara sinis. Kononnya Perdana Menteri akan mengambil kesempatan daripada pertemuan itu untuk memikat sokongan penganut Kristian di Malaysia menjelang pilihan raya umum akan datang. Anehnya sindiran itu diutarakan seorang pemimpin kerdil pada ketika parti serta pertubuhan lebih besar yang mewakili penganut Kristian yang lebih ramai, tidak pun berkongsi hipotesis yang sama.

Barangkali pihak berkenaan perlu dimaklumkan bahawa kunjungan Dr Mahathir adalah atas undangan pemimpin tertinggi Roman Katolik itu. Bukan Perdana Menteri yang melobi untuk mendapatkan temujanji. Malah, undangan berkenaan bukan pun perkara baru, namun, hanya Rabu lalu mesyuarat mingguan Kabinet meluluskannya atas pertimbangan bahawa ia boleh menyumbang kepada keamanan sejagat - sesuatu yang sinonim dengan seruan Perdana Menteri di pelbagai forum antarabangsa bahawa dunia perlu diamankan semula. Perbincangan yang berlegar kepada masalah imej Islam, kurang kefahaman mengenai agama Islam dan hubungan orang Islam dengan bukan Islam adalah agenda lebih besar daripada membimbangi konotasi segelintir yang jelas berpemikiran sempit.

Pada usia 82 tahun kini, jadual Pope John Paul II sebenarnya amat terbatas. Kunjungannya ke luar Vatican semakin kurang dan amat berjarak berbanding masa lalu. Begitu juga kunjungan tokoh asing, apatah lagi dari negara Islam, untuk bertentang mata dengannya semakin jarang didengar. Kerana itu, jemputan kepada Dr Mahathir sebenarnya satu keistimewaan dan semestinya didorong sebab-sebab istimewa juga. Dikenali sebagai seorang yang sentiasa mendokong soal kemanusiaan, perpaduan serta keadilan demi meneruskan pembangunan dan demokrasi, persamaan pemimpin tertinggi Roman Katolik itu dengan Perdana Menteri dari segi berkenaan tidak sukar dimengertikan.

Ia adalah pengiktirafan terhadap Dr Mahathir sebagai pemimpin ulung Islam dan pemimpin Dunia Ketiga yang sederhana tetapi mempunyai pengaruh besar, baik di kalangan negara Islam mahupun di luar sempadannya. Penghargaan dunia luar terhadap kewibawaan Perdana Menteri adalah sesuatu yang tidak boleh disangkal lagi. Baik dalam menyatakan pendirian menangani keganasan yang perlu berpaksi kepada usaha mengenal pasti dan mengatasi puncanya, menyelesaikan konflik Palestin-Israel yang memerlukan lebih kesabaran dan berhemah daripada mengikut emosi, mahupun kejayaannya memupuk keharmonian kaum di Malaysia menerusi cara pentadbiran berdasarkan lunas-lunas Islam yang toleran, Perdana Menteri sentiasa menyerlahkan pandangan konsisten, tegas dan berterus-terang. Lebih daripada itu, Dr Mahathir turut dilihat sebagai pemimpin Islam tulen yang berpegang kuat kepada prinsip bertolak ansur yang dianjurkan Islam - berlawanan dengan yang digembar-gemburkan sesetengah pihak.

Lagipun, tiada salahnya seorang pemimpin yang dilonjakkan masyarakat antarabangsa sebagai mewakili dunia Islam bertukar-tukar fikiran dengan seorang pemimpin Kristian, sejajar dengan tuntutan Islam yang mahukan umatnya sentiasa berdialog dengan penganut pelbagai kepercayaan, tambahan pula matlamatnya ialah membawa keharmonian kepada manusia sejagat. Di

sebalik perlunya dunia memperakui bahawa tindakan memerangi keganasan tidak harus menasarkkan mana-mana agama sebagai mangsa, diharapkan pertemuan itu nanti akan dapat mengikis salah faham penganut Kristian terhadap Islam, sekali gus meletakkan imej Islam ke tahap yang lebih dihormati oleh masyarakat dunia.

(END)